LAMBOR KANAN TERIMA 23 ANAK ANGKAT UUM

Oleh NORAINON OTHMAN
norainon@hmetro.com.my

PENARIKAN diri ramai peserta Program Moh Le Kita Ke Lambor Kanan (Moh), Perak, pada saat akhir, tidak memudarkan harapan penghuni Kolej Bukit Kachi 2, Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah, untuk meneruskan program bakti siswa itu, baru-baru ini.

Daripada 83 peserta, cuma 23 orang mengikuti program itu kerana ramai penuntut terbabit dengan minggu Ekspo Konvokesyen, peperiksaan dan Kajian Luar Kampus (KLK).

Pengarah projek, Zulkarnian Ahmad, berkata pada mulanya kekurangan peserta menyukarkan perjalanan program itu, tetapi dengan adanya semangat kuat di kalangan ahli jawatan kuasa dan peserta, ia berjaya dijalankan.

Perjalanan dari Sintok ke Kampung Lambor Kanan, Perak Tengah, bagi program tiga hari dua malam itu memakan masa tujuh jam.

Disebabkan perjalanan mengambil masa lama, tiada program dijalankan pada hari pertama untuk memberi ruang kepada peserta melepaskan penat serta berkenalan dengan keluarga angkat masing-masing.

"Setiap keluarga angkat menerima seorang peserta berbanding perancangan sebelum ini, iaitu dua peserta untuk satu keluarga angkat.

"Kekurangan anak angkat menyebabkan 17 keluarga lagi hampa kerana tidak dapat menerima anak angkat.

"Kami menjangkakan tiba ke kampung itu pada jam 2 petang, tetapi terlewat 45 minit, menyebabkan perasmi program menanti ketibaan kami," katanya.

Penuntut Fakulti pengajian Antarabangsa itu berkata, walaupun pelbagai masalah timbul berikutan perkara tidak diduga, secara keseluruhan program itu mencapai matlamatnya apabila semua ahli jawatankuasa pelaksana menjalankan tugas dengan memuaskan, manakala penduduk kampung itu menerima mereka dengan baik.

TAK LUPA... peserta program bersalaman memohon maaf daripada keluarga angkat ketika ingin pulang ke UUM.

HM 6/11/05 37

UUM/5049/HM/06.11.2005/p: 37 (1)

Muka Surat 1 dari 2.